

POLISI UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (KAMPUS LESTARI) 2024


Sejajar dengan Visi Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) untuk menjadi sebuah Universiti yang berdaya saing di persada antarabangsa, UniMAP komited dalam memastikan staf dan pelajar menjadi generasi yang mempunyai kesedaran dan tanggungjawab terhadap kelestarian alam sekitar demi manfaat global serta kesejahteraan dan kelangsungan generasi kini dan masa hadapan.

Bagi mencapai matlamat ini, UniMAP beriltizam memastikan sasaran utama berikut dapat dilaksanakan setakat yang praktik iaitu;

1. Menyediakan pendidikan dan persekitaran pembelajaran dengan memupuk kepentingan kelestarian untuk kesihatan, kesejahteraan, sosial dan tadbir urus demi kelangsungan pada masa hadapan.
2. Membudayakan gaya hidup sihat serta memupuk kesejahteraan sejagat dalam persekitaran yang kondusif.
3. Mengamalkan dan melaksanakan inisiatif hijau berdasarkan dasar-dasar Negara, penarafan-penarafan Universiti di peringkat dunia, 17 matlamat dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) serta *Blueprint* UniMAP Lestari 2030.
4. Berusaha menguruskan dan menambahbaik pengurusan sisa buangan domestik termasuk sisa yang boleh dikitar semula termasuk sisa makanan serta sisa buangan terjadual secara menyeluruh dan berterusan dengan pihak-pihak berkaitan.
5. Memupuk kesedaran penggunaan tenaga elektrik, air dan sumber lain secara cekap dan lestari melalui kursus, latihan dan program kesedaran warga UniMAP.
6. Mengekalkan keseimbangan pembangunan dan kawasan hijau di dalam kampus bagi mewujudkan ekosistem yang lestari serta memperkukuhkan kerjasama dengan sektor kerajaan, industri dan komuniti dalam menjalankan aktiviti kemasyarakatan berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.
7. Membangunkan, serta mengkaji semula strategi yang boleh membantu dalam usaha mengurangkan pelepasan karbon.

Nota:

Polisi ini terpakai kepada staf, pelajar dan orang awam yang berada di kampus ini.



Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis